

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PEMEROLEHAN FONEM FRIKATIF KANAK-KANAK PRASEKOLAH DIALEK
KELANTAN DI DAERAH KOTA BHARU

Oleh,

ADI SYAFIQ BIN CHE MOHD AMIN

DISERTASI INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK
PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KESIHATAN
(PATOLOGI PERTUTURAN).

Pusat Pengajian Sains Kesihatan,
Universiti Sains Malaysia,
Kampus Kesihatan, 16150,
Kubang Kerian, Kelantan,
Malaysia.

2012

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ISI KANDUNGAN.....	i-iii
PENGAKUAN.....	iv
PENGHARGAAN.....	iv
ABSTRAK.....	vi
ABSTRACT.....	vii
SENARAI RAJAH.....	viii
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI SINGKATAN.....	x
SENARAI LAMPIRAN.....	xi
BAB 1: PENGENALAN & KAJIAN LITERATUR	
1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Perkembangan bahasa kanak-kanak.....	2-3
1.2 Tinjauan bacaan	
1.2.1 Latar belakang dialek Kelantan.....	4
1.2.2 Kajian literatur.....	4-6
1.3 Pernyataan masalah	7-8
1.4 Objektif kajian	
1.4.1 Objektif umum.....	9
1.4.2 Objektif spesifik.....	9
1.4.3 Persoalan Kajian.....	9

BAB 2: METODOLOGI KAJIAN

2.0 Pengenalan.....	10
2.1 Reka bentuk kajian	10
2.2 Peserta Kajian	
2.2.1 Kriteria penerimaan peserta.....	10-11
2.2.2 Kriteria penolakan peserta	11
2.3 Saiz sampel.....	12
2.4 Prosedur.....	13
2.5 Kaedah pengumpulan data	
2.5.1 Kelulusan jawatankuasa projek penyelidikan Patologi Pertuturan dan Etika penyelidikan manusia USM.....	14
2.5.2 Menghantar surat keizinan kepada pemilik tadika.....	14
2.5.3 Pemilihan Subjek dan permohonan kebenaran penjaga.....	14-15
2.5.4 Sesi berkenalan.....	15
2.5.5 Sesi pengumpulan data.....	16-17
2.6 Tadika-tadika yang terlibat.....	17
2.7 Alatan kajian	
2.7.1 Borang kebenaran tadika dan ibubapa/penjaga.....	18
2.7.2 Perakam video	18
2.7.3 Alat Permainan.....	18
2.7.4 Kad bergambar.....	18
2.8 Kaedah analisis data	
2.8.1 Transkripsi sampel bahasa.....	19
2.8.2 Analisis fonem frikatif bagi ujaran setiap gambar yang disebut oleh subjek.....	20
2.9 Isu Etika	20

BAB 3: ANALISIS DATA KAJIAN

3.0 Pengenalan.....	21
3.1 Data demografik.....	21
3.2 Data pemerolehan fonem frikatif kanak-kanak berumur 4;0 hingga 4;11.....	22-23
3.3 Data pemerolehan fonem frikatif kanak-kanak berumur 5;0 hingga 5;11.....	24-25
3.4 Data pemerolehan fonem frikatif kanak-kanak berumur 6;0 hingga 6;11.....	26-27
3.5 Fonem frikatif dan posisi kedudukan.....	28
3.6 Proses fonologikal yang dilakukan oleh kanak-kanak prasekolah.....	29

BAB 4: PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan.....	30
4.1 Penemuan Hasil Kajian.....	30-31
4.2 Pemerolehan fonem frikatif kanak-kanak menggunakan dialek Kelantan.....	31-32
4.3 Proses fonologikal yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah.....	33-35
4.4 Kekangan dalam kajian.....	35-36

BAB 5: KESIMPULAN DAN PENUTUP

5.0 Pengenalan	37
5.1 Rumusan hasil kajian.....	37
5.2 Kekuatan dan limitasi kajian.....	37-38
5.3 Saranan untuk kajian akan datang.....	39
5.4 Penutup.....	40

BIBLIOGRAFI.....	41-43
------------------	-------

LAMPIRAN.....	44 - 54
---------------	---------

SAMPEL TRANSKRIPSI.....	55-118
-------------------------	--------

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa disertasi yang bertajuk “Pemerolehan Fonem Frikatif Kanak-Kanak Prasekolah Dialek Kelantan Di Daerah Kota Bharu” ialah hasil kerja oleh ADI SYAFIQ BIN CHE MOHD AMIN kecuali nukilan dan ringkasan setiap satunya telah dijelaskan sumbernya bagi tempoh masa September 2011 sehingga Ogos 2012. Disertasi ini merupakan sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kesihatan (Patologi Pertuturan). Segala hasil penyelidikan dan data yang diperoleh adalah hak milik Universiti Sains Malaysia (USM).

Tandatangan Penyelia



Pn. Norhaniza Binti Abdul Khairi

Pensyarah Patologi Pertuturan

Pusat Pengajian Sains Kesihatan

Universiti Sains Malaysia


Kampus Kesihatan

16150 Kubang Kerian Kelantan

Tarikh: 09 Julai 2012

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan dengan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kekuatan dariNya dapat saya menyempurnakan kajian saya ini setelah bertungkus lumus selama 1 tahun. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga yang banyak membantu dari segi sokongan moral dan kewangan demi kejayaan diri ini. Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada penyelia saya, Puan Norhaniza binti Abdul Khairi yang banyak membantu saya dalam menyiapkan penulisan kajian ini dan tidak lupa juga kepada Puan Wan Zaharah Ab Wahid yang banyak memberi buah fikiran dan idea dalam menjayakan kajian ini. Sekalung penghargaan juga kepada semua guru tadika di tadika Homalee, Ilham Murni dan Q-dees dan ibubapa serta penjaga yang memberi kebenaran untuk anak mereka menyertai kajian ini. Tanpa mereka sudah tentu kutipan data kajian ini tidak dapat dijalankan. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan Nurul Aimi Binti Zulkefli kerana banyak memberi sokongan dan momentum dalam menyudahkan kajian ini dan menjadi peneman di saat sukar. Akhir sekali tidak lupa juga kepada Dr. Normani Zakaria yang banyak membantu dan meluangka masa untuk membantu dari segi pengiraan statistik dalam kajian ini. Kepada sahabat-sahabat yang membantu secara langsung dan tidak langsung saya ucapkan ribuan terima kasih. Jasamu dikenang dan tak mungkin dilupakan.



Adi Syafiq Bin Che Mohd Amin
Program Patologi Pertuturan
Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Universiti Sains Malaysia.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji ‘Pemerolehan Fonem Frikatif kanak-kanak Prasekolah Dialek Kelantan Di Daerah Kota Bharu’ dalam kalangan kanak-kanak normal 4, 5 dan 6 tahun di tadika terpilih di Kubang Kerian, Kelantan. Data ini penting untuk mengkaji pemerolehan fonem frikatif yang telah dituturkan serta proses fonologikal yang berlaku dalam pertuturan kanak-kanak prasekolah yang menggunakan dialek Kelantan di daerah Kota Bharu, Kelantan.

Kajian ini menggunakan stimulasi bergambar iaitu sebanyak 25 gambar dan diadaptasi daripada kajian terdahulu oleh Abd Wahid W.Z (2002). Satu set ujian penamaan gambar telah digunakan untuk mendapatkan 5 konsonan frikatif dalam dialek Kelantan pada kedudukan depan, tengah dan akhir perkataan. Peserta kajian perlu menamakan stimulasi bergambar yang biasa dilihat dan sesuai dengan budaya setempat. Seramai 30 orang subjek merangkumi semua peserta kajian yang mana melibatkan 10 orang setiap peringkat umur. Setiap ujaran subjek dirakamkan dan di transkripsikan menggunakan sistem *International Phonetic Alphabet (IPA)*.

Hasil kajian mendapati kanak-kanak prasekolah menggunakan dialek Kelantan di daerah Kota Bharu telah pun memperolehi fonem-fonem frikatif seperti /s/, /r/, /v/, /f/, /z/ di posisi awal, tengah dan akhir kecuali fonem-fonem /v/, /f/ dan /z/ yang tiada dalam perkataan dialek Kelantan. Secara khususnya, fonem frikatif /r/ pada posisi akhir tidak disebut sama sekali. Oleh itu, selari dengan perkataan dalam BM Standard. Penutur BM Standard juga menggugurkan fonem /r/ pada posisi akhir.

ABSTRACT

This study aimed to examine ‘Kelantan dialect preschool children acquisition of fricative phonemes in the district of Kota Bharu’ for normal children 4, 5 and 6 years old in selected kindergartens in Kubang Kerian, Kelantan. This data is important to examine the acquisition of fricative phonemes and phonological process that occurs in the speech of preschool children that uses the Kelantan dialect in the district of Kota Bharu, Kelantan.

The study used pictured stimulus that consisted of 25 pictures and was adapted from a previous study done by Abd Wahid W.Z (2002). A set of test images for naming was used to obtain 5 fricative consonants in the Kelantan dialect for initial, medial and final position in words. Participants needed to name familiar and culturally appropriate picture stimulus. A total of 30 subjects participated in this study which involved 10 children for each age group. Each utterance of the subjects was recorded and transcribed using the International Phonetic Alphabet (IPA).

Results showed that preschool children that uses Kelantan Dialect in the district of Kota Bharu has acquired fricative phonemes such as /s/, /r/, /v/, /f/, and /z/ at the initial, medial and final positions of words except for phonemes /v/, /f/, and /z/ which are not in the words of the Kelantan dialect. Exclusively, the fricative phoneme /r/ at the final position of words is not pronounced. Therefore, this finding is parallel with the pronunciation for words in the standard Malay Language. Standard Malay Language speakers also drop the phoneme /r/ at the final position.

SENARAI RAJAH

- Rajah 1 Prosedur Kajian
- Rajah 2 Data demografik berkaitan dengan jantina peserta

SENARAI JADUAL

JADUAL 1:

Senarai pemerolehan fonem frikatif kanak-kanak berumur 4 tahun menggunakan dialek Kelantan.

JADUAL 2:

Senarai pemerolehan fonem frikatif kanak-kanak berumur 5 tahun menggunakan dialek Kelantan.

JADUAL 3:

Senarai pemerolehan fonem frikatif kanak-kanak berumur 6 tahun menggunakan dialek Kelantan.

JADUAL 4:

Peratus sebutan fonem mengikut kedudukannya oleh kanak-kanak prasekolah 4-6 tahun.

JADUAL 5:

Bilangan proses fonologikal yang berlaku dalam sebutan kanak-kanak prasekolah menggunakan dialek Kelantan.

SENARAI SINGKATAN

USM	Universiti Sains Malaysia
IPA	<i>International Phonetic Alphabet</i>
%	Peratus
Z	Nilai Z
p	Peratus yang dipilih sebagai pilihan.
c	<i>confidence interval</i> , dinyatakan dalam perpuluhan
JK	Jawatankuasa
PPSK	Pusat Pengajian Sains Kesihatan
BM	Bahasa Melayu
Et al	dan lain-lain
SS	Saiz Sampel

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Rumusan Kajian
LAMPIRAN B	Borang Keizinan Penjaga
LAMPIRAN C	Surat Kebenaran Tadika
LAMPIRAN D	Surat Kebenaran Penjaga
LAMPIRAN E	Borang Maklumat Ibu Bapa/Penjaga
LAMPIRAN F	Maklumat Diri Anak
LAMPIRAN G	Surat Kelulusan Etika Manusia USM

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan

Malaysia merupakan negara merdeka dan pesat membangun dari segi pendidikan. Bangsa utama di Malaysia terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Walaupun berbilang kaum, bahasa Malaysia diiktiraf sebagai bahasa rasmi negara sejak mendapat hak kemerdekaan. Bahasa Melayu digunakan secara formal dalam sistem pendidikan dan masih diteruskan sehingga ke hari ini. Bahasa Melayu juga merupakan subjek wajib yang mesti diajar kepada pelajar disekolah tanpa mengira kaum.

Bahasa Melayu telah diperkembang dan diasimilasi dengan perbendaharaan kata bahasa-bahasa lain dari masa ke semasa. Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa utama negara. Terdapat banyak variasi bahasa Melayu yang dipanggil dialek hasil daripada kepelbagaian struktur geografi dan muka bumi di Malaysia. Oleh sebab itu, hampir setiap negeri di Malaysia mempunyai dialek tersendiri. Antara contoh dialek ialah dialek Kelantan, dialek Kedah, dialek Terengganu dan dialek Negeri Sembilan. Variasi perbezaan antara dialek di Malaysia merangkumi aspek perbendaharaan kata, intonasi, sebutan dan sebagainya.

1.1 Perkembangan bahasa kanak-kanak

Kanak-kanak akan mengalami proses perkembangan bahasa secara normal dan ia bermula sejak dilahirkan lagi. Proses ini berkembang dengan pesat dari umur satu bulan hingga enam tahun (Robert. E. Owen, 2001) dan banyak bergantung kepada faktor-faktor seperti jantina, umur, persekitaran, pergaulan, tahap pendidikan, kewangan dan kesihatan. Namun, ada yang mengalami ketidaknormalan dari aspek fizikal dan juga mental. Keadaan ini boleh membawa kepada kelewatan perkembangan bahasa bagi individu terbabit. Pemerolehan dan perkembangan bahasa merupakan satu proses kanak-kanak mula memahami bahasa dan berkomunikasi. Kajian perkembangan bahasa kanak-kanak merupakan satu perkara yang rencam (Tay, 2006) dan telah menarik perhatian ramai penyelidik dalam bidang linguistik. Kanak-kanak prasekolah terutamanya mengalami perkembangan yang pesat dalam kesemua aspek bahasa dan pada satu tahap, mereka mula mengujarkan ayat yang menyerupai bahasa orang dewasa dari segi kekompleksannya (Fatimah, 2003).

Memang diakui bahawa sama ada disedari ataupun tidak, sistem-sistem linguistik bahasa dikuasai dengan pantas oleh kanak-kanak walaupun umumnya tiada pengajaran formal. Sungguhpun rangsangan bahasa yang diterima oleh kanak-kanak tidak teratur dan terhad, namun mereka berupaya memahami sistem-sistem linguistik bahasa pertama sebelum menjangkau usia lima tahun (Tay, 2006).

Pada masa yang sama, perbezaan persekitaran akan mempengaruhi perkembangan bahasa salah satunya ialah dialek. Menurut Ajid, (1985) “perbedaan-perbedaan di dalam satu-satu dialek itu bukan sahaja dapat dilihat apabila dibandingkan dengan dialek yang lain”, malahan di dalam satu dialek pun terdapat perbezaan-perbezaannya. Perbezaan ini

mungkin disebabkan oleh tingkat sosial yang tidak sama, peringkat umur yang berbeza ataupun pekerjaan yang tidak serupa. Mengikut kajian yang dibuat oleh Walter A. Wolfram (1993), faktor tingkatan sosial merupakan natijah yang terpenting di dalam melahirkan bentuk linguistik yang berbeza. Mereka yang berpendidikan tinggi memperlihatkan perbezaan penggunaan bahasa jika dibandingkan dengan mereka yang lebih rendah pendidikannya. Menurut Joseph H. Greenberg (1997) pula, *“Among the bases for such linguistic differentiation are class, religion, affiliation, industrial occupation and sex”*.

Dialek Kelantan adalah satu cara pertuturan yang diamalkan oleh seluruh penduduk negeri Kelantan dan juga beberapa daerah di pinggir negeri itu iaitu; Patani dan Siam serta daerah-daerah di sempadan Negeri Kelantan/Terengganu dan Kelantan/Pahang, (Ajid, 1985). Namun demikian tidak bererti bahawa bentuk pengucapan atau percakapan di seluruh tempat itu sama sahaja. Jelas kelihatan tiap-tiap jajahan atau tempat itu memperlihatkan beberapa ciri yang berbeza dengan ciri-ciri linguistik yang terdapat di dalam kawasan yang lain. Bukan setakat jajahan dengan jajahan sahaja yang memperlihatkan ciri-ciri linguistik yang berbeza malahan di dalam jajahan yang sama pun jelas memperlihatkan ciri-ciri linguistik yang berbeza. Hal ini jelas terlihat di jajahan Pasir Mas”, (Mahmood A.H, 1994).

Oleh yang demikian, hasil kajian ini akan dapat membantu ibu bapa, guru-guru dan juga terapis pertuturan dalam mengenalpasti perkembangan pemerolehan bunyi. Seterusnya, mengenalpasti masalah pertuturan dengan menggunakan data-data ini.

1.2 Tinjauan Bacaan

1.2.1 Latar Belakang Dialek Kelantan

Menurut Mahmood A. H. (1994), dialek Kelantan ialah satu daripada dialek-dialek bahasa Melayu. Ia dituturkan oleh penutur-penutur yang berasal dari penduduk yang menduduki negeri Kelantan, iaitu sebuah negeri di Semenanjung Malaysia. Negeri Kelantan terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia bersempadankan negeri Terengganu, Pahang, Perak dan Negara Thailand.

Dialek Kelantan turut dituturkan oleh penutur-penutur di sempadan negeri seperti sempadan Kelantan/Terengganu, Kelantan/Pahang, Kelantan/Perak dan juga beberapa daerah dalam wilayah Thailand seperti Sungai Golok, Narathiwat, Yala dan Patani.

1.2.2. Kajian Literatur

Jangkaan umur pemerolehan fonem penting sebagai rujukan dalam menentukan kanak-kanak itu mempunyai masalah kecelaruan fonologi atau tidak. Data ini juga penting untuk menentukan tahap keterukan kecelaruan di samping membantu dalam merancang program pemulihan pertuturan. Kajian perkembangan fonologi ini bertujuan untuk mendapatkan umur penguasaan fonem dalam bahasa Melayu dialek Kelantan bagi 100 orang kanak-kanak Melayu normal, penutur dialek Kelantan yang di hantar ke taska atau tadika sekitar daerah Kota Bharu berumur antara 2 hingga 5 tahun. Satu set ujian penamaan gambar telah digunakan, untuk mendapatkan 35 perkataan sasaran bagi menguji kehadiran 17 konsonan dalam dialek Kelantan kedudukan depan, tengah dan akhir

perkataan. Setiap ujaran subjek dirakamkan dan di transkripsikan menggunakan sistem *International Phonetic Alphabet* (IPA).

Sesuatu fonem dikatakan telah diperolehi jika subjek mengujar sekurang-kurangnya 85% fonem betul pada kedudukan depan, tengah atau akhir perkataan. Hasil kajian mendapati pada umur kurang 3 tahun, kanak-kanak telah menguasai sekurang-kurangnya 8 fonem. Antara fonem terawal yang dikuasai oleh subjek ialah plosif tidak bersuara /p/ pada umur 2 tahun 6 bulan manakala fonem yang paling lewat dikuasai adalah frikatif /s/ pada umur 4 tahun 11 bulan. Turutan pemerolehan fonem-fonem kebanyakannya selari dengan Teori Universal Jacobson (Wan Zaharah, 2002). Secara perbandingan, umur pemerolehan fonem dalam kalangan subjek adalah lebih kurang sama dengan kanak-kanak berbahasa Arab dan English tetapi agak terlewat jika dibandingkan dengan kanak-kanak kantonis (Wan Zaharah, 2002).

Menurut Pamela T. Joseph (2007), kajian ini menghuraikan pemerolehan fonologi di kalangan kanak-kanak berketurunan India berumur antara 2-6 tahun yang berbahasa Inggeris Malaysia. Set inventori fonem ibu digunakan sebagai faktor rangsangan/input linguistik persekitaran subjek. Sampel pertuturan subjek dan ibu diperolehi melalui ujian kata tunggal dan ujian bercerita. Sampel ditranskripsikan dengan menggunakan IPA. Hasil kajiannya memperlihatkan inventori fonem subjek kanak-kanak condong kepada inventori fonem ibu mereka kecuali penghasilan /v/, /w/, /θ/ dan /ð/. Kesemua ibu dan kanak-kanak didapati menggunakan variasi bebas. Inventori ibu terdiri daripada 21-23 fonem manakala inventori kanak-kanak terdiri daripada 17-21 fonem. Umur pemerolehan sesetengah fonem didapati berlaku lebih awal daripada kajian-kajian yang lepas. Contohnya, bunyi afrikat yang wujud pada subjek yang berumur 2;4 dan ke atas berbanding dengan umur 3;6 dan ke

atas dalam kajian yang lepas. Perkembangan fonologi berlaku dengan pesat antara umur 2;4-3;7 tahun.

Menurut kajian Phoon H. S. (2010), kanak-kanak yang menutur bahasa Inggeris Malaysia mungkin menggunakan bunyi fonem yang sama (berkongsi bunyi) diantara 3 bahasa (Inggeris, Mandarin, dan Melayu) dalam membantu pemerolehan bunyi pertuturan Inggeris Malaysia (Fabiano-Smith dan Goldstein, 2010; Goldstein, Fabiano, & Iglesias, 2003). Penemuan terbaru menyokong persamaan hipotesis fonetik (Fabiano-Smith dan Goldstein, 2010; Goldstein, Fabiano, dan Iglesias, 2003). Misalnya, bunyi yang dikongsi dan diperolehi lebih awal dalam Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia termasuklah huruf awal /z/. Walaubagaimanapun, persamaan hipotesis fonetik ini sahaja tidak cukup untuk menerangkan perkembangan fonologikal bagi kanak-kanak yang menutur bahasa Inggeris Malaysia. Hal ini adalah kerana pengaruh keadaan fonologikal seperti fonotaktik dan kontek fonetik dengan mengambil kira kedudukan suku kata. Berdasarkan kajiannya, banyak konsonan yang diperolehi pada peringkat umur yang berbeza mengikut kedudukan suku kata. Kajian sebelum ini juga menunjukkan bahawa bunyi yang kerap dihasilkan lebih tepat sebutannya berbanding bunyi yang jarang digunakan.

1.3 Pernyataan Masalah

Terapis pertuturan di Malaysia selalunya menggunakan data dari negara luar untuk tujuan diagnosis dan merancang untuk terapi seperti yang dinyatakan oleh Grunwell (1987) mengenai *phonology norms*. Data pemerolehan fonem dan proses fonologikal yang digunakan oleh kanak-kanak di negara luar berbeza dengan Malaysia mengikut umur dan juga jenis fonem. Data-data ini tidak sesuai digunakan untuk populasi di Malaysia disebabkan oleh pemerolehan bunyi fonem dipengaruhi oleh banyak faktor seperti perbezaan pendedahan linguistik yang melibatkan pelbagai etnik, budaya dan bahasa. Benthall dan Bankson (1998) menyatakan bahawa setiap bahasa mempunyai fonem yang tersendiri.

Oleh itu, kajian tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak amat penting dalam proses penilaian bahasa di klinik pertuturan di Kelantan. Pemerolehan fonem frikatif kanak-kanak prasekolah dialek Kelantan di daerah Kota Bharu masih lagi kurang. Oleh itu, dengan adanya kajian perkembangan fonem-fonem frikatif yang diperolehi oleh kanak-kanak dialek Kelantan di daerah Kota Bharu dapat menyediakan data dan fonem frikatif mengikut umur 4;0 hingga 6;11 tahun. Selain itu, penyusunan corak turutan fonem frikatif mengikut tahap umur (tahun) yang dituturkan kanak-kanak prasekolah dialek Kelantan di daerah Kota Bharu masih kurang dan memerlukan kajian yang lebih lanjut serta kajian untuk mengkaji proses fonologikal yang digunakan oleh mereka. Selain itu, dengan wujudnya data pemerolehan fonem frikatif kanak-kanak prasekolah ini, akan dapat dijadikan alat bantu dalam sesi terapi.

Pemahaman proses perkembangan atau pemerolehan bahasa kanak-kanak sangat penting untuk proses diagnosis serta rawatan di klinik pertuturan. Sekiranya proses diagnosis serta rawatan di klinik pertuturan menggunakan data yang tidak bersesuaian dengan pesakit, rawatan yang diberikan berkemungkinan tidak mendapat hasil yang baik. Oleh sebab dialek Kelantan mempunyai fonem-fonem yang berbeza daripada Bahasa Melayu, terapis berkemungkinan besar akan menggunakan fonem yang kurang atau tidak pernah digunakan di rumah pesakit hingga membantutkan proses terapi itu sendiri. Selain itu, penyusunan fonem mengikut tahap umur yang dituturkan kanak-kanak prasekolah juga diperlukan bagi mengetahui fonem yang sepatutnya diperolehi oleh kanak-kanak.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN:

1.4.1 Objektif umum

Kajian ini mengkaji perkembangan fonem kanak-kanak prasekolah yang menggunakan dialek Kelantan di daerah Kota Bharu.

1.4.2 Objektif spesifik

1. Mengkaji pemerolehan fonem frikatif yang telah dituturkan kanak-kanak prasekolah yang menggunakan dialek Kelantan di daerah Kota Bharu, Kelantan.
2. Mengkaji proses fonologikal yang berlaku dalam pertuturan kanak-kanak prasekolah yang menggunakan dialek Kelantan di daerah Kota Bharu, Kelantan.

1.4.3. Persoalan kajian

1. Apakah fonem-fonem frikatif yang telah dituturkan oleh kanak-kanak prasekolah yang menggunakan dialek Kelantan di daerah Kota Bharu?
2. Apakah proses fonologikal yang berlaku dalam pertuturan kanak-kanak prasekolah yang menggunakan dialek Kelantan di daerah Kota Bharu.

BAB 2

METODOLOGI KAJIAN

2.0 Pengenalan

Menerusi bab ini, pengkaji akan menghuraikan mengenai kaedah yang digunakan dalam kajian ini seperti reka bentuk kajian yang dijalankan, prosedur kajian, ciri-ciri pemilihan peserta kajian dan jumlah peserta kajian yang diperlukan bagi menjalankan kajian ini. Perkara-perkara ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bab ini.

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini ialah kajian rentas kualitatif. Pengkaji menghuraikan fonem-fonem yang diperolehi oleh kanak-kanak prasekolah mengikut umur bermula 4;0 hingga 6;11 tahun.

2.2 Peserta Kajian

Peserta kajian ialah kanak-kanak prasekolah yang belajar di tadika sekitar daerah Kota Bharu. Peserta kajian terdiri daripada kaum Melayu.

Kriteria penerimaan dan penolakan peserta kajian adalah seperti di bawah:

2.2.1 Kriteria penerimaan peserta kajian

1. Peserta kajian berumur antara 4;0 hingga 6;11
2. Peserta kajian belajar di tadika sekitar Kota Bharu
3. Peserta kajian terdiri daripada kanak-kanak yang normal perkembangan fizikal dan mental seperti dilaporkan oleh penjaga.

4. Peserta kajian menggunakan dialek Kelantan sebagai dialek utama dalam pertuturan harian.
5. Ibu bapa/ibu atau bapa peserta kajian berasal dan merupakan penutur jati dialek Kelantan.
6. Peserta kajian tidak mempunyai masalah pembelajaran.
7. Peserta kajian tidak mempunyai masalah tingkahlaku.
8. Peserta kajian tidak mempunyai masalah pendengaran.

2.2.2 Kriteria penolakan subjek

1. Peserta kajian bukan dalam julat umur 4;0 hingga 6;11 tahun.
2. Peserta kajian belajar di tadika luar dari daerah Kota Bharu.
3. Peserta kajian mempunyai perkembangan fizikal dan mental tidak normal.
4. Peserta kajian tidak menggunakan dialek Kelantan sebagai dialek utama dalam pertuturan harian.
5. Ibu bapa/ibu atau bapa peserta kajian tidak berasal dan bukan penutur jati dialek Kelantan.
6. Peserta kajian mempunyai masalah pembelajaran.
7. Peserta kajian mempunyai masalah tingkahlaku.
8. Kanak-kanak mempunyai masalah pendengaran.

2.3 SAIZ SAMPEL

Tiada pengiraan saiz sampel yang spesifik untuk sesuatu kajian deskriptif yang dijalankan. Formula di bawah digunakan untuk mengira peserta kajian yang diperlukan dalam kajian ini untuk mewakili populasi sebenar kanak-kanak prasekolah di daerah Kota Bharu.

$$ss = \frac{Z^2 * (p) * (1-p)}{c^2}$$

dimana:

Z= nilai Z (Cth: 1.96 untuk 95% confidence level)

p = peratus yang dipilih sebagai pilihan, dinyatakan dalam perpuluhan

(.5 diperlukan untuk digunakan dalam saiz sampel)

c = *confidence interval*, dinyatakan dalam perpuluhan

(cth., .04 = ±4)

Namun begitu, hasil pengiraan peserta kajian yang diperlukan menggunakan formula di atas menunjukkan angka 700 hingga 900 orang peserta kajian. Hasil pengiraan peserta kajian menggunakan formula ini tidak dapat diaplikasikan dalam kajian ini memandangkan tempoh masa yang terhad dalam penyediaan kajian ini.

Oleh itu, pengkaji telah menggunakan teori *Central Limit Theoram* yang menjelaskan sebab kebanyakan pengagihan cenderung untuk menghampiri pengagihan normal. Maka, pengkaji memilih untuk menggunakan seramai 30 orang peserta kajian. Nilai ini diwujudkan berpandukan teori ini.